

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed hari ini bercakap tentang perlunya dipertingkatkan pengambilan dan pengeluaran guru dalam usaha mengatasi kekurangan kira-kira 10,000 orang guru tiap tahun di negara.

Beliau juga mengesyor ditubuhkan sebuah 'Maktab Turus Perguruan' bagi meninggikan lagi taraf ilmiah dan ikhtisas guru-guru yang berpengalaman.

Berucap merasmikan mesyuarat pengetua-pengetua Maktab Perguruan di sini pagi ini, Dr. Mahathir meminta para pengetua itu memikirkan cadangan mengenai penubuhan Maktab Turus itu dan mengemukakan memo randum kepada Kementerian Pelajaran.

Beliau menarik perhatian bahawa kekurangan kira-kira 10,000 orang guru yang dialami sekarang adalah berpandukan pengambilan dan pengeluaran lebih kurang 3,000 orang guru setahun.

Menurut beliau, kekurangan itu akan kekal selama sekurang-kurangnya tiga tahun jika kadar pengambilan dan pengeluaran guru tidak berubah dan nisbah guru

dan kelas mengikut se-perti yang dikuatkuasakan sekarang.

Dr. Mahathir juga mengingatkan supaya penyelenggaraan latihan bagi guru-guru sementara dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Katanya, inisiatif untuk memperbanyakkan pengeluaran guru-guru dari maktab-maktab perlu dinerjia kerana

tidak memadai dengan hanya 2,000 atau 3,000 orang guru sahaja.

Menyentuh tentang latihan guru, beliau berpendapat soal jumlah dan mutu harus dipertimbangkan sama berat.

Beliau berharap usaha menubuhkan empat buah pusat sementara bagi melatih guru di samping rancangan rak-saksa melatih guru-guru

sementara mencapai kejayaan.

Beliau meminta dipertimbangkan supaya lebih ramai guru dikeluarkan.

Mengenai mutu perguruan, beliau menegaskan bahawa negara bukan sahaja berkehendakkan guru yang cekap dalam ilmu pengetahuan tetapi juga sanggup melibatkan diri dalam kerja-kerja masyarakat.

Gaji

"Nama baik seorang guru adalah bergantung kepada penghargaan atau penilaian yang diberi oleh orang yang mempunyai perhubungan dengannya seperti kanak-kanak, ibubapa, majikan dan lain-lainnya dalam masyarakat tempat ia berkhidmat," ujarnya.

Tegasnya, lapangan perguruan bukanlah semata-mata untuk mendapat pekerjaan atau lebih. tepat lagi untuk makan gaji sahaja.



Dr. Mahathir

Beliau juga mengingatkan bahawa mutu tenaga pengajar di maktab-maktab tentulah memainkan peranan penting bagi melahirkan guru-guru muda yang berbakat dan berkalibar.

Maktab-maktab perguruan haruslah cukup dengan tenaga pengajar atau pensyarah yang taraf kelayakan akademik dan kelulusan ikhtisarnya tinggi.

Beliau juga menyeru supaya pengetua-pengetua maktab perguruan melibatkan diri dalam perancangan dan bukannya semata-mata dalam pentadbiran.

Dr. Mahathir juga menasihatkan mereka supaya membuat lawatan ke luar negeri terutamanya ke negara-negara seperti Jepun dan Republik Rakyat China kerana sistem pelajaran di negara-negara itu telah dapat menampung kehendak penduduknya yang ramai.

76 Utusi
lety
96